

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA MENSYARATKAN KEBENARAN PEMERINTAH (ULIL AMRI) SEBAGAI SYARAT SAH SOLAT FARDHU JUMAAT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

Demi menjaga kesatuan dan menghindarkan perpecahan umat Islam di Negeri Johor, pelaksanaan solat Jumaat di sesebuah tempat hendaklah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor selaku Ulil Amri.

Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah berikut:-

- i. Mentarjihkan Qaul qadim mazhab as Shafie yang menetapkan tidak sah solat fardhu Jumaat tanpa kebenaran pemerintah sebagaimana dinyatakan di dalam Kitab al Bayan fi Mazhab al Imam as Shafie oleh al Imam Abu al Husain Yahya Bin Abi al Khair Bin Salim al Imrani al Yamani as Shafie.

[مسألة تقام الجمعة بإذن الإمام]

يستحب أن لا تقام الجمعة إلا بإذن الإمام؛ لأن الجمعة لم تقم في عهد رسول الله - صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - ولا في أيام الخلفاء إلا بإذنهم... وقال أبو حنيفة، والأوزاعي: (لا تصح إقامتها إلا بإذن الإمام أو الوالي من قبله). وحكى بعض أصحابنا: أن هذا قول الشافعي في القديم، وليس بمشهور.

- ii. Juga mentarjihkan qaul muktamad dalam Mazhab Hanafi yang meletakkan syarat sah solat Jumaat ialah mendapat keizinan pemerintah sebagaimana dinyatakan di dalam kitab al Hidayah fi Syarh Bidayatul Muftadi oleh Ali Bin Abi Bakr Bin Abdul Jalil al Furghani al Marghinani, Abu al Hasan Burhanuddin.

"... ولا يجوز إقامتها إلا للسلطان أو لمن أمره السلطان " لأنها تقام بجمع عظيم وقد تقع المنازعة في التقديم والتقديم وقد تقع في غيره فلا بد منه تتيما لأمره.

iii. Menepati kaedah fiqhiyah berikut :

a. سَدُّ الدَّرَائِعِ

Ertinya : Menyekat jalan yang membawa kepada kerosakan.

b. تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Ertinya : Kebijakan pemimpin atas rakyatnya dilakukan berdasarkan kepada pertimbangan kemaslahatan.

iv. Memudahkan pihak berkuasa agama Islam Negeri Johor untuk melaksanakan kawalan tauliah pegawai masjid dan surau serta kawalan khutbah.

v. Syarat ini bertepatan dengan seksyen 97 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 berhubung sekatan tentang penubuhan masjid dan hukuman yang menyatakan :

(1) Tiada seseorang pun boleh tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan, atau menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bangunan, bagi perkara-perkara yang hanya boleh dilakukan di masjid atau oleh masjid.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subsyeksen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bertarikh 19 Rabiul Akhir 1444 / 14 November 2022

[JMJ.351/04/01/6/60;PPUUNJ(R)600-1/5/8(31)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJI ZAINAL BIN ERAN
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*